

# iPayment Kiosk mudahkan urusan bayar cukai

Oleh Nurul Amanina Suhaini  
bhjb@bh.com.my

f Share

t Tweet

g+ Share

KULAI: Kerajaan Johor menyarankan semua pihak berkuasa tempatan (PBT) di negeri ini menyediakan kios perkhidmatan dalam talian, iPayment Kiosk bagi memudahkan urusan pembayaran cukai, seiring dengan aspirasi ke arah kerajaan digital.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan negeri, Datuk Md Jais Sarday, berkata kerajaan negeri menyambut baik inisiatif Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) menjadi PBT pertama yang mengadakan tindakan seumpama bagi memudahkan pengguna dan tanpa perlu beratur di kaunter pembayaran.

"Kita (kerajaan negeri) mencadangkan untuk semua PBT melaksanakan inisiatif ini. Seperti yang dibentangkan dalam Bajet 2018 oleh Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin ke arah mencapai kerajaan digital.

"Dalam konteks kerajaan hari ini, sudah masuk sistem kehidupan sama ada dalam pengurusan kerajaan atau kehidupan manusia itu sendiri yang menghala ke arah digital. Usaha ini adalah sebahagian daripada pendigitalan menerusi peringkat pengusaha tempatan.

"Zamannya dah sampai, kita lihat terdapat keperluan untuk beralih kepada keadaan semasa dan ini pun antara perkhidmatan yang kita boleh baiki.

"Sebab fungsi PBT ada dua iaitu penguatkuasaan terhadap undang-undang dan menyampaikan perkhidmatan kepada mereka yang membayar cukai," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyempurnakan E-Kiosk Bayaran MPKu di kaunter pelbagai MPKu, di sini, hari ini. Yang turut hadir, Yang Dipertua MPKu, Farizal Ismail.